

**Campur Tangan Nga Dalam Hal Orang Islam Telah Melebihi Batas - Kimma Bernama**  
**15 Julai, 2013**

GEORGE TOWN, 15 Julai (Bernama) -- Penolong Bendahari DAP Nga Kor Ming telah melebihi batasan apabila mendesak Jabatan Peguam Negara mencampuri urusan pentadbiran agama Islam di Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak, kata Kongres India Muslim Malaysia (Kimma).

Presiden Kimma Senator Datuk Syed Ibrahim Kader berkata tindakan Anggota Parlimen Taiping itu tidak betul kerana perkara itu adalah hal orang Islam.

"Kenapa orang bukan Islam hendak buat bising tentang hal orang Islam? Berikan kebebasan kepada orang Islam untuk menentukan sesuatu," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan sumbangan kepada keluarga miskin sempena bulan Ramadan di sini malam tadi.

Nga, pada sidang akhbar di lobi Parlimen 11 Julai lepas, menggesa kerajaan negeri di Kedah, Perak, Negeri Sembilan, Melaka dan Sarawak meminda Enakmen Pentadbiran Agama Islam masing-masing berhubung peruntukan mengenai persetujuan ibu bapa memberi izin menukar status anak di bawah umur kepada Islam.

Nga juga meminta Peguam Negara menasihati kerajaan-kerajaan negeri terlibat mengambil langkah sewajarnya meminda peruntukan itu supaya selaras dengan prinsip Perlembagaan Persekutuan.

Syed Ibrahim berkata desakan Nga itu sudah melebihi batasan kerana orang Islam tidak memaksa orang bukan Islam untuk memeluk agama Islam.

"Sebaliknya, bagi sesiapa yang ingin memeluk agama Islam dengan rela hati akan melalui proses perbincangan dan berdialog. Desakan itu seakan-akan mencabar Raja-Raja Melayu di negeri-negeri berkenaan," katanya.

Terdahulu, Syed Ibrahim berkata sumbangan kewangan Kimma sempena bulan Ramadan ini diberikan kepada kira-kira 3,000 penerima di seluruh negara.

Beliau berkata lebih kurang 200 keluarga miskin di Pulau Pinang akan menerima sumbangan dalam usaha untuk mengurangkan beban keluarga dalam persiapan menjelang Hari Raya Aidil Fitri.

"Kimma akan membuat siasatan dengan keluarga penerima bagi memastikan orang yang betul-betul memerlukan itu terima bantuan.

"Selain itu, Kimma tidak mengalakkan keluarga yang menerima bantuan tahun ini untuk menerima bantuan lagi tahun depan. Sebaliknya Kimma akan membantu keluarga itu dengan memberi peluang pekerjaan dan berharap pada masa depan mereka ini akan menjadi golongan yang memberikan sumbangan dan bukan terima sumbangan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=963275>

